



# Anwar rasionalisasi subsidi, selamatkan kewangan negara

Oleh **MOHAMAD AZLAN JAAFAR**  
azlan.jaafar@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Malaysia memulakan usaha mengurangkan subsidi tahun depan, kali pertama dalam berdekad kerajaan pemerintah menangani perbelanjaan yang menjadi punca kepada 'ketempangan' kewangan negara selain ketirisan berbilion ringgit.

Keputusan Putrajaya itu bertujuan menyeimbangkan perbelanjaan negara selepas penga-gihan pelbagai subsidi mencecah lebih RM80 bilion tahun ini ber-



banding unjuran awal RM63 bilion.

Pemberian subsidi dan bantuan yang dilaksanakan sejak enam dekad lalu menyebabkan

defisit kewangan kerajaan terus melebar manakala pendapatan tidak berkembang sepantas di-jangka bagi menampung perbelanjaan.

Kesan subsidi diburukkan lagi apabila hutang dan liabiliti negara melepasi paras RM1.5 trilion, sekali gus memberikan tekanan tambahan kepada usaha

mengurangkan defisit negara.

Sebahagian besar subsidi diperuntukkan untuk minyak, elektrik dan beberapa barangan asas.

Pemberian subsidi juga didakwa menguntungkan golongan kaya, terdedah kepada ketirisan dan penipuan serta dinikmati warga asing.

Pada masa lalu, pemberian subsidi digunakan sebagai imbuhan untuk rakyat meneruskan sokongan kepada sesebuah kerajaan.

**Bersambung di muka 2**

# Anwar rasionalisasi subsidi, selamatkan kewangan negara

## Dari muka 1

Dalam Belanjawan 2024, kerajaan memperuntukkan RM52.7 bilion bagi subsidi dan bantuan berbanding RM64.2 bilion tahun lalu. Bagi mengurangkan subsidi, Putrajaya akan melaksanakan subsidi bersasar, menaikkan tarif elektrik kepada golongan mampu dan rasionalisasi subsidi diesel.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pemberian subsidi tidak terkawal telah memberi kesan negatif kepada perbelanjaan negara dan ia harus ditangani bagi memastikan kewangan negara stabil.

Katanya, pelaksanaan sistem subsidi pukal memanfaatkan golongan elit dan maha kaya sedangkan kebijaksanaan menguruskan ekonomi harus mengarah kepada pertumbuhan dan pemerataan ekonomi

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dengan usaha memperbaiki ketirisan subsidi, hasil dapat diagihkan kepada rakyat termasuk kenaikan upah golongan pekerja.

"Kita harus melakar dan menghayati dengan memperbaiki ketempangan dalam sistem ekonomi negara.

"Keterlanjuran lalu mengakibatkan hutang dan liabiliti negara menjangkau RM1.5 trilion atau 82 peratus kepada KDNK. Bayaran khidmat hutang sahaja dijangka mencatat RM46.1 bilion ringgit atau 15.2 peratus daripada hasil 2024.

"Hanya dengan mengurangkan defisit dan tanggungan, kerajaan dapat mengembalikan

Kita harus melakar dan menghayati dengan memperbaiki ketempangan dalam sistem ekonomi negara."

kedudukan fiskal negara yang mampan," katanya ketika membentangkan Belanjawan Madani Kedua di Dewan Rakyat semalam.

Rasionalisasi subsidi sudah dijangkakan apabila Kerajaan Perpaduan yang ditubuhkan 11 bulan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU) menyatakan formula subsidi yang dilaksanakan ketika ini akan memberi kesan negatif berpanjangan kepada negara.

Semalam Anwar membentangkan Belanjawan 2024 selama dua jam 35 minit raembabitkan peruntukan sebanyak RM398.8 bilion, dengan RM303.8 bilion untuk mengurus manakala RM90 bilion bagi pembangunan selain RM2 bilion simpanan luar.

Peruntukan pada 2024 lebih tinggi berbanding RM388.1 bilion yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2023 yang membabitkan RM289.1 bilion untuk belanja mengurus dan RM99 bilion bagi pembangunan.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan

terus menjadi dua penerima terbesar dengan RM58.7 bilion dan RM41.2 bilion tahun depan berbanding RM55.2 bilion dan RM36.3 bilion tahun lalu.

Defisit kewangan negara dijangka mengecil kepada 4.3 peratus tahun hadapan.

Perbelanjaan negara sebanyak RM390 bilion itu akan dibiaya sebanyak 44.4 peratus menerusi cukai pendapatan, 21.9 peratus pinjaman dan penggunaan aset kerajaan, 16.2 peratus hasil bukan cukai dan 14.9 peratus cukai tidak langsung.

Bagi menampung belanjawan 2024, kerajaan menaikkan kadar cukai perkhidmatan kepada lapan peratus berbanding 6 peratus, meluaskan skop perkhidmatan bercukai kepada perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke, memperkenalkan cukai keuntungan modal 10 peratus, serta cukai barangan bernilai tinggi 5-10 peratus.

Anwar yang kali kedua membentangkan belanjawan sejak menjadi Perdana Menteri menegaskan bahawa Belanjawan 2024 tetap menumpukan kepada kos sara hidup rakyat selain menangani masalah peningkatan barangan keperluan asas.

Ekonomi negara juga dijangka berkembang pada 4-5 peratus tahun hadapan manakala perangkaan lain juga dijangka positif.

"Dengan pembaharuan Ekonomi Madani yang bakal dilaksanakan, kerajaan yakin untuk mencapai pertumbuhan menghampiri lima peratus," kata Anwar.